

Tajuk:

“Kita sentiasa melibatkan masyarakat dalam pengendalian sekolah awam kita dengan mendapatkan sokongan Persatuan Ibu Bapa dan Guru selain badan bukan kerajaan serta guru dan kesatuan mereka.”

Berdasarkan kenyataan di atas, **nilaikan **usaha** yang telah anda laksanakan bagi menjalin hubungan dengan pihak luar dalam organisasi.**

Ringkasan Eksekutif

Penilaian tentang usaha untuk menjalinkan hubungan di antara sekolah dengan pihak luar dilaksanakan berdasarkan bukti yang konkrit seperti data, laporan dan maklumbalas daripada pelbagai pihak. Proses penilaian bukan semata-mata proses refleksi sendiri tetapi semestinya berdasarkan model penilaian program yang mantap yang menjadi kebiasaan bagi semua pengurus program. Dalam esei ringkas ini, model penilaian CIPP (context, input, process, output) akan digunakan untuk menilai 5 program utama yang telah merangkumi banyak projek dan aktiviti dalam setiap program berkenaan. Program-program yang bertujuan meningkatkan jalinan hubungan di antara sekolah dan pihak luar adalah a) Pemantauan Kolaboratif Kemajuan Pelajar, b) Sesi Perkongsian Ilmu dan Amalan Profesional, c) Skim Tuisyen FELDA, d) Sekolah Permata YB, dan e) Program Titian Emas POIC. Setiap program yang telah dijalankan akan dinilai pada setiap tahap pelaksanaan dari perancangan sehingga tamatnya program berkenaan. Impak dari segi kesan jangka panjang dan jangka pendek akan dibincangkan. Hasil jalinan hubunga yang baik juga dapat dinilai melalui pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti kelakuan dan disiplin pelajar yang baik, sendiri dan sikap pelajar-pelajar yang baik, kepuasan kerja guru dan keadaan sekolah yang bersih dan ceria. Keberkesanan sekolah boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif, pengwujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran-pembelajaran, hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru dan guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa. Kesimpulan kesemua program dirumuskan dalam jadual perbandingan dan cadangan penambahbaikan diberikan agar tindakan akan datang akan menjadi lebih cekap, berkesan dan kekal lebih lama.

1 Pengenalan

“Budaya pengurusan berasaskan pengukuran prestasi secara berterusan perlu diterapkan dalam Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan kepada pelanggan, khususnya orang ramai” Ucapan Mantan Perdana Menteri sempena MAPA pada 9 Januari 2004

Sekolah sebagai sesebuah organisasi yang dinamik, terbuka, dan kompleks perlu menwujudkan dan mengekalkan hubungan saling bergantung dengan semua pihak luar. Tanpa unsur saling bergantung bagai pepatah Melayu seperti aur dengan tebing, sekolah tidak dapat memainkan peranan dengan cekap dan berkesan untuk mencapai visi dan misinya. Esei ringkas ini menjelaskan **penilaian** keberkesanan program yang bertujuan untuk menjalinkan hubungan sekolah dengan pihak luar. Kaedah dan kerangka penilaian program menggunakan piawaian umum dan antarabangsa dalam pengurusan dan evaluasi program iaitu Model CIPP yang diasaskan oleh Stufflebeam. Walaupun Model CIPP merupakan model penilaian yang agak lama berbanding dengan Model Pengukuran Prestasi Berasaskan Proses (Rajah 2), ia masih berkesan dalam penilainan program yang telah dilaksanakan (Gordon, 2008). Dalam setiap penilaian yang dilakukan secara sistematik dan berasaskan data, bahagian-bahagian seperti konteks, input, proses, dan produk akan dibincangkan dengan telitinya.

Skop esei ini hanya berfokus kepada lima program dari berpuluh-puluh program untuk menjalinkan hubungan antara sekolah dan pihak luar akan diberi fokus dan perhatian rapi. Antaranya ialah penglibatan PIBG dalam memantau kemajuan pelajaran pelajar, Skim Tuisyen FELDA, Sesi Perkongsian Ilmu dan Amalan Profesional dengan sekolah lain, Sekolah Permata YB dan Titian Emas POIC.

2 Definisi Konsep

Penilaian program dimaksudkan sebagai *“the systematic collection of information about the activities, characteristics and outcomes of programs in order to make judgments about the program, improve program effectiveness, and/or inform decisions about future programming”*. Selain itu, penilaian program merupakan langkah yang penting mana-mana program sebab dengan penilaian maka diperoleh maklumbalas terhadap program atau pelaksanaan aktiviti. Tanpa adanya penilaian yang mantap, amat susah untuk mengetahui sejauh mana tujuan-tujuan yang dihasratkan itu telah tercapai atau tidak. [Patton, M. (1997) p. 23]

2.1 Institusi Sekolah.

Sekolah pada hari ini merupakan institusi formal yang melaksanakan proses pendidikan dari tahap prasekolah hinggalah menengah atas. Setiap peringkat disediakan silibus atau kurikulum yang setiapnya mempunyai matlamat dan objektif. Untuk membangunkan proses pendidikan ini satu kumpulan tenaga pengajar dan pengurus dibentuk dan dilatih. Antara lain tujuannya ialah menjaga kualiti pendidikan supaya mencapai tahap yang dikehendaki. Selain itu pemantauan turut dilaksanakan. (Mohd Yusuf Othman .1999). Struktur Pentadbiran dan pengurusan ini dilakukan semata-mata untuk memastikan proses pendidikan terlaksana dengan baik. Jadi, keberkesanan pendidikan di sekolah banyak bergantung kepada interaksi antara pelajar dengan sistem pendidikan, dan antara pelajar dengan gurunya. Guru yang akhirnya menjadi model kepada pelajar.

2.2 Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG)

Mengikut Akta Pendidikan KPM 1996, Persatuan Iubapa dan Guru (PIBG) ditubuhkan di semua Sekolah Kerajaan bertujuan untuk mewujudkan permuafakatan antara ibubapa dan guru (IBG), yang diharapkan dapat membina kesefahaman tentang tugas dan

tanggungjawab bersama dan usaha dalam meningkatkan mutu pengajaran guru dan pembelajaran murid di Sekolah. Ia juga untuk mempertingkatkan kerjasama dan perkongsian antara pihak Sekolah, ibubapa dan komuniti setempat. PIBG juga mempunyai peranan 'saling lengkap melengkapi' terhadap fungsi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan prasarana, kemudahan dan suasana Sekolah yang kondusif kepada murid-murid dan guru-guru di Sekolah.

PIBG mempunyai peranan yang penting dalam pengurusan sesebuah sekolah. Antaranya ialah membantu dalam memajukan perkembangan murid dan menjaga kebajikan murid, menambah sumber kewangan Sekolah bagi menambah dan meningkatkan kemudahan di Sekolah, meningkatkan kemesraan dan menyediakan saluran komunikasi dan hubungan antara Sekolah dengan masyarakat setempat, meningkatkan keceriaan premis Sekolah supaya dapat mewujudkan suasana yang kondusif bagi menjayakan aktiviti dan program pendidikan. Semua ibu bapa dan guru di sekolah ini merupakan ahli PIBG. AJK PIBG dipilih melalui Mesyuarat Agung Tahunan & menjalankan tugas dan amanah secara sukarela serta perlu menitikberatkan keikhlasan, keterbukaan dan pengorbanan.

2.3 Institusi Masyarakat atau Pihak Luar.


Masyarakat merupakan institusi tidak formal yang mempengaruhi pendidikan seseorang pelajar. Ia berfungsi sebagai wahana yang menerima pelajar di luar aktiviti di sekolah. Keadaan ini wujud kerana masa pelajar lebih banyak terarah untuk berinteraksi sesama rakan sebaya dan masyarakat dalam institusi masyarakat selain institusi keluarga. Bentuk-bentuk institusi masyarakat yang wujud ialah persatuan belia, badan kebajikan penduduk, badan koperasi, institusi masjid, badan-badan berkanun dan bukan berkanun dan lain-lain lagi. Di peringkat sekolah yang dilihat aktif dan berperanan pada hari ini ialah Persatuan Ibu

bapa Dan Guru (PIBG). Apa yang berlaku pada masa kini, sebahagian besar institusi masyarakat ini tidak berkesan dalam melaksanakan fungsinya.

Kerjasama yang erat antara pihak sekolah dengan pihak komuniti luar amat penting dan sangat membantu pihak sekolah untuk mencapai kecemerlangan sekolah khususnya para pelajar dan organisasi guru. Tanpa integrasi kerjasama kedua-dua pihak, kejayaan dalam mengurus sesebuah organisasi sukar dicapai. Model Hoover-Dempsey dan Sandler jelas menunjukkan bahawa kebersamaan sekolah dan komuniti boleh dijalin dengan ibu bapa sebagai salah satu dari komponen komuniti sesebuah sekolah itu. Kebersamaan yang tidak pernah wujud tidak akan dapat menghasilkan pelajar yang boleh belajar seperti yang disebut oleh Gallagher et. al (2005). Model ini menunjukkan bahawa hubungan sekolah dan komuniti dapat diwujudkan sekiranya pihak pengurusan sekolah dapat memastikan agar pihak guru dan ibu bapa saling memahami perasaan di antara satu sama lain sebagai langkah pertama untuk mewujudkan hubungan harmoni kedua-dua pihak (Berger, 1983).

2.4 Model CIPP

Sebelum penilaian program disampaikan, adalah baiknya sekiranya sedikit penerangan tentang Model CIPP diberi. Mengikut Model CIPP, segala program yang hendak dinilai impak serta keberkesanannya haruslah dirancang dan dijalankan secara sistematik, rapi dan berasaskan data yang seimbang (Swift, 2003). Justeru itu, kita tidak boleh menilai keberkesanan usaha sendiri berasaskan perasaan atau rasa hati tanpa menggunakan kaedah-kaedah penilaian program yang kukuh dan saintifik. Untuk menilai setiap program, bahagian-bahagian yang sepatutnya diteliti adalah seperti Rajah 1 berikut.



Rajah 1: Model CIPP (Sumber: Swift, 2003)



Rajah 2: Model Pengukuran Prestasi Berasaskan Proses (Sumber: IAB, 2009)

2.4.1 Penilaian Konteks

Context evaluation to serve planning decisions. Penilaian konteks ini membantu merencanakan keputusan, menentukan kebutuhan yang akan dicapai oleh program, dan merumuskan tujuan program (Stufflebeam, 1998).

2.4.2 Penilaian Input

Input evaluation, structuring decisions. Penilaian di tahap ini mengatur keputusan, menentukan sumber-sumber yang ada, alternatif apa yang diambil, apa rencana dan strategi untuk mencapai kebutuhan, dan bagaimana prosedur kerja untuk mencapainya.

2.4.3 Penilaian Proses

Process evaluation, to serve implementing decisions. Penilaian proses adalah untuk membantu mengimplementasi keputusan. Persoalannya ialah sejauh mana perancangan program telah diterapkan? Apa yang harus dikaji semula? Setelah pertanyaan terjawab, prosedur dapat dipantau, diselidaki dan diperbaiki lagi (Stufflebeam, 1998).

2.4.4 Penilaian Produk

Product evaluation, to serve recycling decisions. Produk di sini bererti hasil keseluruhan dan impak dari segi jangka masa panjang. Penilaian produk adalah untuk menolong keputusan selanjutnya. Apa hasil yang telah dicapai? Apa yang dilakukan setelah program berjalan.

3 Penilaian Program Jalinan Hubungan Sekolah : Pihak Luar

3.1 Pemantauan Kolaboratif Bestari Sekolah & Keluarga

Usaha saya yang dapat menjalinkan hubungan dengan pihak luar untuk meningkatkan mutu bisnes teras iaitu pengajaran dan pembelajaran dimanifestasikan melalui Program Pemantauan Kolaboratif Bestari. Program ini bertujuan untuk memupuk kerjasama dan komitmen ibu bapa untuk memantau kemajuan pelajar setiap minggu.

3.1.1 Penilaian Konteks (Context)

Program ini berlangsung dari Januari hingga Oktober. Sebelum program ini dilaksanakan, terdapat pemantauan kemajuan pelajar semata-mata terletak pada bahu warga sekolah sahaja. Ini tidak bermaksud pihak ibu bapa kurang mengambil berat tentang kepentingan pendidikan anak-anak mereka. Adalah difikirkan bahawa ibu bapa kurang kemahiran dan kesedaran untuk memantau kemajuan pelajaran anak-anak mereka. Apabila mereka datang untuk mengambil laporan pencapaian peperiksaan pada hujung semester, adalah agak terlewat untuk mengambil tindakan susulan untuk membantu anak2 mereka. Justeru itu, tujuan pemantauan kolaboratif bestari adalah untuk melibatkan ibu bapa untuk bekerjasama dengan sekolah untuk menyemak kemajuan anak2 setiap minggu. Sekiranya masalah pembelajaran anak2 dikesan, tindakan susulan dan pemulihan akan dilaksanakan dengan segera dan tidak menunggu sehingga masalah menjadi tenat dan terminal.

Sebagai kesimpulan dan renungan keberkesanan peringkat ini, adalah didapati amat menepati kehendak masyarakat serta matlamat kerajaan terutama PIPP di mana pencapaian sekolah kebangsaan ditingkatkan melalui prestasi pelajaran yang lebih cemerlang. Semua pihak memberi sokongan terhadap program ini dan sokongan ini menunjukkan bahawa program ini bukan semata-mata bersifat unilateral dan dari pihak pengurusan sekolah sahaja.

3.1.2 Penilaian Input

Untuk mewujudkan pemantauan yang berkesan terhadap pelajar secara kolaboratif, pihak luar yang memainkan peranan yang amat penting ialah PIBG. Semua ahli jawatankuasa PIBG sekolah dimaklumkan tentang program berkenaan melalui mesyuarat dan pengumuman disampaikan kepada semua ibu bapa. Matlamat, kepentingan dan cara pelaksanaan juga dimaklumkan dalam setiap perjumpaan dan majlis rasmin mahupun tidak

rasmi. Risalah yang terperinci tentang program berkenaan juga diedarkan kepada semua pelajar serta ibu bapa.

Refleksi bagi tahap ini mencerminkan bahawa input yang diberikan kepada ibubapa dan khasnya PIBG amat mencukupi. Guru-guru juga dimaklumkan untuk membantu menyebarkan maklumat tentang program ini.

3.1.3 Penilaian Proses

Untuk melaksanakan program Kolabarotif Bestari ini, semua ibu bapa diminta menandatangani buku latihan atau buku kerja murid setiap hari jumaat. Apabila buku latihan (kerja) ditandatangani oleh ibubapa, mereka dapat melihat kemajuan kerja anak-anaknya. Adalah dipercayaaan hasil kerja murid adalah bukti terbaik bahawa mereka mengikut pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Adalah mustahil jika setiap minggu, pelajar tidak membuat kerja di sekolah atau di rumah. Pada setiap hari Isnin, buku latihan pelajar akan disemak oleh guru tingkatan atau guru bertugas ketika perhimpunan. Pemeriksaan hanya akan dibuat secara rambang. Pelajar yang tidak mendapatkan tandatangan ibubapa akan didenda dan diberi peringatan tentang tanggungjawabnya untuk berbincang dengan ibubapa dengan kemajuan mereka di sekolah. Pelajar yang telah mendapatkan tandatangan akan diberi hadiah kecil sebagai galakkan.

3.1.4 Penilaian Produk

Penilaian produk ini adalah berasaskan Borang Rekod Pelaksanaan dan Penilaian Program yang disarankan oleh Jemaah Nazir dalam SKPM3. Pada awal bulan Februari 2009, hanya 30% dari pelajar yang mendapatkan tandatangan ibu bapa. Antara sebabnya ialah pelajar kebanyakan tidak pernah membincangkan kemajuan sekolah dengan ibu bapa mereka. Ibu bapa juga tidak melihat kerja-kerja anak-anak mereka sebab mereka lebih mementingkan laporan peperiksaan akhir semester. Tetapi pada Jun 2009 data yang

dipungut mendapati peratus pelajar yang mendapatkan tandatangan pelajar telah telah mencapai 78%. Ini menunjukkan penglibatan ibu bapa semakin meningkat dan kesedaran tentang pentingnya memantau secara kerap dan bertumpu member galakkan dan sokongan kepada pelajar terhadap pembelajaran.

Kesan sampingan daripada pemantauan kolaboratif bestari juga terkena kepada guru-guru. Ini adalah sebab dengan adanya penyemakan kemajuan buku latihan dan buku kerja pelajar oleh ibu bapa setiap minggu, guru-guru juga berasa kerja pengajaran dan pembelajaran mereka dihargai dan disokong. Kerja pelajar lebih kerap diperiksa serta dipulangkan kepada pelajar.

Sebagai renungan, program ini sepatut dilangsungkan pada tahun 2010. Walau pun input dan prosesnya agak mudah dan ringkas, tetapi impaknya adalah sangat meluas dan mendalam. Bukan sahaja disiplin pelajar dapat dikawal, malah mutu pengajaran guru juga dapat ditingkatkan. Dari pemerhatian saya, pelajar-pelajar yang sentiasa mendapatkan tandatangan daripada ibubapa juga merupakan pelajar yang tidak mempunyai masalah disiplin serta menunjukkan prestasi pembelajaran yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang sering tidak mendapatkan tandatangan daripada ibubapa atau penjaga mereka.

3.2 Sesi Perkongsian Ilmu dan Amalan Profesional

Dalam usaha menjalinkan hubungan dengan pihak luar untuk memajukan sekolah khususnya dalam pembangunan profesional guru, saya telah mencadangkan kepada Pegawai Pelajaran Daerah Lahad Datu agar diadakan perjumpaan berjadual untuk Pengetua dan Penolong Kanan dalam daerah berjumpa dan menyampaikan ceramah tentang sebarang ilmu dan amalan profesional yang dirasakan penting untuk sekolah. Dalam pada itu suatu program perkongsian ilmu dan amalan profesional telah dilaksanakan. Untuk menilai

peranan dan sumbangan yang telah saya curahkan dalam program tersebut, model CIPP digunakan untuk menilai program tersebut.

3.2.1 Penilaian Konteks

Terdapat Sembilan buah sekolah menengah di daerah Lahad Datu, Sabah. Semua sekolah itu terletak lebih 50 KM dari satu sama lain. Justeru itu, untuk mendapatkan sokongan, galakkan dan perkongsian ilmu di antara satu sama lain agak sukar. Maka di peringkat Pejabat Pelajaran Daerah dicadangkan agar sesiapa pengetua yang telah menghadiri kursus atau mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang khusus digalakkan untuk mengadakan sesi perkongsian ilmu dan ceramah untuk membantu sekolah lain. Adalah diharapkan dengan adanya sesi demikian, setiap sekolah dapat mewujudkan sinergi dan seterusnya membantu satu sama lain untuk membangunkan mutu prestasi pelajaran dalam daerah Lahad Datu amnya dan sekolah masing-masing khususnya.

3.2.2 Penilaian Input

Sumber yang kritikal untuk kejayaan program ini adalah sumber manusia iaitu pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran dan ilmu pengetahuan profesional yang boleh dikongsi dengan rakan-rakan pengetua yang lain. Justeru itu, sebuah jawatankuasa ditubuhkan dan jadual sesi perkongsian ditetapkan. Tajuk-tajuk perkongsian dirancang secara consensus dan analisis keperluan dibincang dalam jawatankuasa yang telah ditubuhkan. Saya telah dilantik sebagai Setiausaha jawatankuasa tersebut dan seterusnya bertindak sebagai salah seorang penceramah.

3.2.3 Penilaian Proses

Dari Januari hingga Oktober 2009 sebanyak 6 sesi perkongsian ilmu telah dijalankan di Bilik Gerakan Pejabat Pelajaran Daerah, Lahad Datu. Antara tajuk-tajuk yang dikongsi oleh

rakan-rakan pengetua adalah seperti Budaya Kerja Cemerlang, Pencerapan Yang Berkesan, Kajian Tindakan Cara Mudah (disampaikan oleh saya pada 8 Mei 2009), Pembinaan Rancangan Pemajuan Sekolah, dan Kepimpinan Instruksional. Tempoh perjumpaan adalah 2 jam.

Soalselidik yang diedarkan kepada semua peserta selepas setiap sesi perjumpaan melaporkan mutu penyampaian yang tinggi. Ilmu dan matlumut yang disampaikan dalam sesi berkenaan juga didapati sangat berguna. Terdapat permintaan agar perjumpaan dilakukan dengan lebih kerap lagi.

3.2.4 Penilaian Produk

Impak program ini telah mengeratkan hubungan sekolah saya dengan pihak PPD dan sekolah-sekolah lain. Sekolah saya yang jauh dalam pedalaman Lahad Datu tidak lagi rasa terpencil dan kekurangan maklumat penting. Setiap sesi perkongsian menambahkan maklumat tentang amalan yang baik yang boleh membantu sekolah melaksanakan program Kementerian Pelajaran.

Suatu lagi impak yang tidak dijangkakan ialah penerbitan Jurnal Pendidikan dan Penyelidikan oleh Persatuan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Sabah, Daerah Lahad Datu. Sumbangan penceramah dalam sesi perkongsian ilmu telah dijilidkan dan jurnal ini diedarkan kepada sekolah-sekolah di luar daerah Lahad Datu. Ini bererti jalinan hubungan pihak luar bukan terhad kepada daerah Lahad Datu sahaja malah telah mengembang ke peringkat negeri Sabah. Saya rasa peranan yang saya mainkan masih boleh ditingkatkan lagi dan pada tahun hadapan saya sedia memainkan peranan sebagai pengerusi jawatankuasa perkongsian ilmu sekiranya diberi peluang.

3.3 Skim Tuisyen FELDA

Sekolah saya terletak 20 KM dari FELDA Sahabat yang merupakan salah satu skim FELDA yang terbesar di Malaysia. Terdapat 20% dari seramai 1278 orang pelajar berasal dari FELDA. Justeru itu, adalah difikirkan bahawa sekolah perlu menjalinkan hubungan yang baik dengan pengurusan FELDA agar masalah berkaitan dengan pelajar-pelajar dari FELDA diatasi serta memohon kerjasama pengurusan FELDA agar menyumbang tenaga dan sumber kewangan untuk meningkatkan lagi prestasi pelajar-pelajar berkenaan. Tercetuslah program Skim Tuisyen FELDA untuk membantu meningkatkan lagi prestasi akademik pelajar-pelajar FELDA.

3.3.1 Penilaian Konteks

Hubungan pihak sekolah dengan pihak pengurusan FELDA Wilayah Sahabat yang berpusat di FELDA Wilayah Desa Kencana juga amat membantu pihak sekolah dalam membantu meningkatkan akademik pelajar. Sebilangan besar para pelajar di SMK Tungku adalah datangnya dari kawasan FELDA sahabat khususnya FELDA Anjung Teduh (FELDA Sahabat 1 dan 2), FELDA Baiduri Ayu, FELDA Sahabat Cendewasih (Sahabat 7) dan ada juga dari kawasan Desa Kencana. Pihak pengurusan FELDA Wilayah telah membantu dan memberi kerjasama yang sangat baik dalam memberikan kemudahan Skim Tuisyen FELDA (STF) kepada anak-anak peneroka.

3.3.2 Penilaian Input

Input dari FELDA adalah berbentuk ruang dan sumber kewangan manakala sekolah menyumbangkan tenaga pengajar untuk menjayakan tuisyen kepada pelajar-pelajar Tingkatan 5 dan Tingkatan 3. Guru-guru yang terlibat dalam tuisyen dibayar pada kadar M40 sejam. Kelas diadakan pada hujung minggu di Ladang Sahabat II. FELDA dengan

kerjasama Kementerian Pelajaran juga menyediakan modul-modul pembelajaran bagi mata pelajaran yang ditawarkan.

3.3.3 Penilaian Proses

Keberkesanan Skim Tuisyen FELDA dipantau seperti pencerapan yang dilaksanakan di bilik darjah dalam sekolah biasa. Penolong Kanan atau Ketua Bidang ditugaskan untuk membuat pencerapan mengikut prosedur yang lazim. Kehadiran pelajar direkod dan laporan disampaikan kepada ibu bapa serta pengurusan FELDA.

Berasaskan laporan yang diterima, Skim Tuisyen FELDA berjalan dengan baik. Guru merancang pengajaran dan pembelajaran dengan teliti dan pelajaran berlangsung mengikut modul yang disediakan. Maklumbalas daripada pelajar melaporkan bahawa skim tersebut dapat mempertingkatkan pencapaian pada amnya.

3.3.4 Penilaian Produk

Impak yang paling besar dapat dilihat berasaskan pencapaian pelajar-pelajar yang mengikuti Skim Tuisyen FELDA. Analisis keputusan ujian setara dan peperiksaan sekolah pelajar berkenaan menunjukkan peningkatan yang tinggi (sehingga 38%) bagi semua mata pelajaran yang ditawarkan dalam skim berkenaan.

Pihak pengurusan FELDA juga sangat berpuashati dengan pencapaian pelajar-pelajar yang mengikuti STF dan kerjasama yang diberikan oleh sekolah. Mesyuarat yang diadakan memutuskan agar STF dilanjutkan sehingga 2010.

Pihak sekolah sedang berunding dengan pengurusan FELDA untuk menambahkan bilangan pelajar yang dapat mengikut STF. Kami berharap FELDA membenarkan pelajar-pelajar yang tidak berasal dari FELDA mengikut STF juga. Saya percaya dengan sumber

kewangan FELDA yang begitu kuat serta hubungan yang mesra dan erat dengan sekolah, harapan ini akan menjadi realiti pada tahun 2010.

Di sini dapat dirumuskan bahawa inisiatif SMK Tungku menjalinkan hubungan yang erat pihak FELDA Sahabat adalah satu usaha yang baik sekali. Komunikasi dan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua pihak seharusnya mampu meningkatkan integriti pengurusan sekolah. Kerjasama yang padu dengan pihak FELDA boleh menjadikan SMK Tungku sekolah yang cemerlang sama ada dari segi akademik dan kokurikulum. Bantuan kewangan, nasihat, pengangkutan yang diberi oleh pihak FELDA mampu membangunkan modal insan yang cemerlang khususnya untuk para pelajar SMK Tungku Lahad Datu. Tanpa usaha gigih pihak FELDA, SMK Tungku akan mempunyai beban tugas yang amat berat untuk menjayakan visi dan misi SMK Tungku sekolah yang cemerlang.

3.4 Sekolah Permata YB

Sekolah Permata YB merupakan suatu lagi usaha saya untuk menjalin hubungan sekolah dengan pihak luar iaitu Pejabat Ahli Parlimen Silam YB Haji Salleh Bin Kalbi. Tidak boleh dinafikan bahawa hubungan yang baik dengan Pejabat Ahli Parlimen amat berfaedah kepada sekolah dari segi permohonan dana tambahan mahupun penyertaan ibu bapa serta agensi lain dalam memajukan sekolah. Justeru itu, usaha untuk menjadikan sekolah sebagai sekolah angkat kepada YB Haji Salleh Bin Kalbi, Ahli Parliman Silam telah memberi impak yang luas dan pelbagai.

3.4.1 Penilaian Konteks

Sejak lima pilihanraya yang lalu, penduduk-penduduk kampung di sekitar sekolah telah memberi sokongan yang padu kepada kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional. Justeru itu, adalah dirasakan hubungan yang kuat di antara sekolah dan pihak pejabat Ahli

Parlimen akan mengakibatkan sekolah dipandang tinggi oleh penduduk kampung yang kebanyakannya menghantar anak-anak mereka ke sekolah saya. Lantaran itu, usaha yang terancang dan positif dikerjakan untuk mendapatkan sokongan dan komitmen Ahli Parlimen Silam agar menjadikan sekolah kita sebagai sekolah angkat. Maka tercetuslah Program Sekolah Permata YB.

3.4.2 Penilaian Input

Sumber-sumber yang diperlukan dalam mewujudkan jalinan yang erat di antara sekolah dengan pejabat Ahli Parlimen ialah komunikasi. Selain kunjung hormat ke pejabat Ahli Parlimen Silam pada Januari 2009, komunikasi yang kerap dilakukan melalui perjumpaan bersemuka, surat, emel, pesanan ringkas sms, dan telefon diadakan di antara pengetua dan pegawai perhubungan YB Hj Salleh Kalbi. Semua program dan aktiviti Sekolah Permata YB dirancang bersama-sama dengan pegawai perhubungan YB Hi Salleh Kalbi.

Perbincangan dan komunikasi yang terbuka menghasilkan banyak program dan aktiviti yang memberi faedah yang besar kepada sekolah. Warga sekolah sama ada guru mahupun staf bukan mengajar juga sangat bersemangat menyumbang masa, tenaga dan buah fikiran apabila mereka melibatkan diri dalam aktiviti, program, serta majlis yang berkaitan dengan Sekolah Permata YB.

3.4.3 Penilaian Proses

Untuk merelisasi dan mewujudkan jalinan hubungan antara sekolah dengan Pejabat YB Ahli Parlimen, berbagai-bagai aktiviti telah dilaksanakan dengan berjayanya. Antaranya ialah kehadiran dan penglibatan YB Hj Salleh Bin Kalbi sebagai tetamu khas untuk Sambutan Hari Guru, Majlis Anugerah Kecemerlangan Sekolah 2009 serta Gotong Royong Perdana 2009. YB Hj Salleh Bin Kalbi juga dilibatkan dalam penyampaian bantuan biasiswa KWAMP kepada penerima-penerima yang dipilih pada bulan Jun 2009 serta

Mesyuarat Agung PIBG pada bulan Mac 2009. Apabila YB Hj Salleh Bin Kalbi menghadiri setiap majlis di sekolah, penglibatan dan kehadiran ibu bapa, orang kampung serta pemimpin masyarakat amat menggalakkan.

3.4.4 Penilaian Produk

Impak dari jalinan hubungan sekolah dengan pejabat YB Ahli Parlimen dalam program Sekolah Permata YB telah meningkatkan status dan imej sekolah di sudut pandangan masyarakat tempatan. Dahulunya, YB Ahli Parlimen tidak begitu menonjol penglibatan tetapi kini, akibat sekolah dijadikan sekolah angkat YB, banyak program kerajaan negeri Sabah telah diadakan di sekolah. Contohnya adalah Sambutan Pesta Menuai, Sambutan Hari Kemerdekaan, Pesta Sukan Rakyat dan sebagainya. Sehubungan dengan itu,

3.5 Program Titian Emas Palm Oil Industrial Cluster (POIC)

Program Titian Emas POIC merupakan usaha saya untuk mengadakan menjalin hubungan di antara sekolah dengan pihak separuh kerajaan atau GLC. POIC Sabah Berhad ditubuhkan oleh kerajaan Sabah untuk membangunkan pemprosesan “downstream” agar menambah nilai kepada 1.4 juta hektar estet kelapa sawit, mewujudkan pekerjaan dan peluang perniagaan. Memandangkan sekolah saya berada di kawasan penanaman kelapa sawit, maka hubungan erat dengan POIC akan memberi pendedahan dan peluang pekerjaan kepada pelajar sekolah kelak.

3.5.1 Penilaian Konteks

Hasil sesi pemikiran strategik di peringkat pucuk kepimpinan sekolah mencetuskan idea bahawa sekolah perlu melibatkan lebih banyak agensi luar untuk membantu sekolah dari segi kerjaya pelajar. Analisis SWOT juga mendapati 95% pelajar berasal daripada keluarga yang terlibat dengan pertanian kecil-kecilan atau ladang kelapa sawit. Agensi separuh

kerajaan yang amat relevan dengan pelajar kita adalah Palm Oil Industrial Cluster yang berada di Lahad Datu.

Selepas dikenalpasti matlamat yang boleh dicapai dengan menjalinkan hubungan dengan POIC, tindakan susulan seperti kertas kerja, jawatankuasa, dan perjumpaan dilakukan di antara sekolah dengan pengurusan POIC.

3.5.2 Penilaian Input

Sumber yang paling penting dalam menentukan kejayaan penglibatan POIC dalam Program Titian Emas POIC adalah sumber manusia, maklumat bercetak, serta input dalam bentuk ceramah dan lawatan ke POIC di Lahad Datu. Pihak POIC juga menaja sebuah papan kenyataan bercermin yang cantik khas untuk program ini. Suatu jawatankuasa khas ditubuhkan dan Pegawai Perhubungan POIC dijadikan Timbalan Pengerusi program berkenaan. Suatu takwim yang mengandungi semua program dan aktiviti yang akan dijalankan bersama oleh pihak POIC dan sekolah dibentuk dan dimaklumkan kepada semua pelajar.

Peringkat ini mendapatkan komitmen yang amat padu daripada warga sekolah dan pegawai POIC. Risalah dan poster tentang kerjaya dan peluang pekerjaan dan bisnes disumbangkan oleh POIC untuk disampaikan kepada semua pelajar.

3.5.3 Penilaian Proses

Sebanyak 3 ceramah telah dijalankan dalam bulan Mac, Julai dan Oktober 2009 (sila rujuk Lampiran No. 5. Dalam ceramah tersebut, pelajar didedahkan kepada peluang dan jenis pekerjaan yang mempunyai permintaan yang tinggi dalam industri pemprosesan minyak sawit. Selain ceramah, kuiz, bengkel, pameran, dan lawatan ke tapak kilang dan ladang diatur.

Dari pemerhatian awal dan maklumbalas daripada pelajar, aktiviti yang dijalankan amat berfaedah dan menyeronokkan. Berasaskan borang soal selidik yang diedarkan oleh POIC dalam semua aktiviti Program Titian Emas POIC, peserta sungguh berminat dengan maklumat yang disampaikan dalam ceramah. Penceramah-penceramah juga dilaporkan dapat memberi gambaran sebenar tentang kerjaya yang boleh membantu perkembangan ekonomi dan sosial di Lahad Datu. Aktiviti yang dilaksanakan juga telah mengambil kira minat, latar belakang serta pengalaman pelajar yang tinggal berhampiran atau dalam estet kelapa sawit.

3.5.4 Penilaian Produk

Impak yang paling penting dari Program Titian Emas POIC ialah perubahan sikap pelajar terhadap status pekerjaan yang berkaitan dengan industri kelapa sawit. Sebelum ini, oleh sebab jurang jalinan hubungan dengan pihak luar khususnya POIC, pelajar menganggap pekerjaan yang wujud di estat dan kilang minyak sawit cuma sebagai buruh kasar. Selepas Program Titian Emas POIC, pelajar-pelajar telah membuka mata kepada berbagai-bagai pekerjaan yang berkaitan dengan minyak sawit.

Satu lagi kejayaan daripada Program Titian Emas POIC ialah sumbangan POIC dalam bentuk kewangan sempena Sambutan Hari Guru dan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar. Ini menandakan hubungan yang sangat erat dan berfaedah di antara POIC dan sekolah.

Kejayaan jalinan hubungan dengan POIC menjadi rangsangan kepada pihak sekolah untuk menjalinkan lagi hubungan baru dengan perbadanan separuh kerajaan yang lain dalam masa akan datang. Semakin banyak rakan kongsi pemajuan sekolah yang strategic, semakin mudah untuk sekolah mencapai misi dan visi negara.

4 Penutup

Keseluruhannya kita melihat bahawa sekolah dan komuniti luar perlu wujud permuafakatan dan kerjasama yang baik. Usaha-usaha mewujudkan jalinan hubungan yang erat dan berkesan bukanlah mudah bahkan ia memerlukan komitmen yang bersungguh-sungguh semua pihak supaya apa yang dikehendaki akan tercapai. Semuanya dilakukan untuk merealisasikan pembangunan modal insan yang cemerlang, negara pada masa hadapan. Penilaian terhadap usaha untuk menjalinkan hubungan dengan pihak luar adalah berasaskan model CIPP seperti yang diutarakan oleh Stufflebeam. Jadual berikut merumuskan penilaian tentang lima usaha besar saya dalam mewujudkan jalinan sekolah dengan pihak luar.

Bil.	Program	Sektor	Penilaian Konteks	Penilaian Input	Penilaian Proses	Penilaian Output
1	Pemantauan Kolaboratif Kemajuan Pelajar	PIBG	Matlamat: Kurikulum & Disiplin Pelajar	Pelajar, Guru, dan Ibu bapa	Pemantauan berterusan & formatif	Sikap positif terhadap pelajaran. Peningkatan mutu pembelajaran
2	Sesi Perkongsian Ilmu & Amalan Profesional	Ahli Pendidik	Perkongsian Ilmu & wujudnya professional learning community	Pengetua & Ahli Pendidikan luar sekolah	Perkongsian & perbincangan berterusan	Semangat kekitaan dan saling bantu membantu
3	Skim Tuisyen FELDA	Pengurusan Ladang	Penglibatan komuniti & tanggungjawab sosial	Sumber kewangan & material, guru-guru sekolah	Proses pemulihan, pengukuhan & pengayaan pelajar	Peningkatan mutu pencapaian akademik
4	Sekolah Permata YB	Sektor Politik	Penglibatan komuniti & pemimpin masyarakat	Ahli Parlimen, Pemimpin komuniti	Sokongan moral dan material sepanjang masa	Rasa bangga akan sekolah
5	Titian Emas POIC	Pertubuhan Separuh Kerajaan	Sokongan sektor separuh kerajaan kepada masa depan pelajar	POIC, guru-guru, dan kewangan	Aktiviti yang berguna dan menyeronokkan	Hubungan erat antara sekolah dengan pihak swasta

Secara realistiknya, tempoh masa saya bertugas di sekolah kini hanya 18 bulan. Dari segi jalinan hubungan pihak luar dengan sekolah, banyak usaha yang terancang telah

dilaksanakan dengan berjayanya. Dari segi kepelbagaian, pihak luar yang dilibatkan untuk memajukan sekolah adalah seperti sekolah-sekolah lain, pihak PIBG, Pengurusan FELDA, Pejabat Ahli Parlimen, dan POIC. Berbagai lapisan dan sektor masyarakat telah dilibatkan untuk mewujudkan perkongsi pintar dan menjana kuasa sinergi.

Walaupun masa masih singkat, akan tetapi benih permuafakatan telah ditanam dan suasana yang berbentuk kolaboratif dan saling hormat-menghormati. Banyak lagi usaha diperlukan untuk mempertingkatkan lagi jalinan hubungan di antara sekolah dan pihak luar. Setiap hubungan telah membawa sekolah selangkah lebih dekat dengan sasaran, misi dan visi Kementerian Pelajaran.

Rujukan

REKOD PELAKSANAAN DAN PENILAIAN PROGRAM

Bil.	Program	Tempoh Pelaksanaan	Tarikh Pemantauan	Penilaian Keberkesanan Program	Cadangan Penambahbaikan	Catatan
1	Pemantauan Kolaboratif Bestari	Januari hingga Oktober 2009	Jun & Oktober 2009	Sangat berkesan	Diteruskan pada 2010	
2	Sesi Perkongsian Ilmu dan Amalan Profesional	Januari hingga November 2009	Jun & Oktober 2009	Sangat berkesan	Diteruskan pada 2010	
3	Skim Tuisyen FELDA	Januari hingga November 2009	Setiap bulan	Sangat berkesan	Diteruskan pada 2010	
4	Sekolah Permata YB	Januari hingga Disember 2009	Jun & Oktober 2009	Sangat berkesan	Diteruskan pada 2010	
5	Titian Emas POIC	Januari hingga Disember 2009	Jun & Oktober 2009	Sangat berkesan	Diteruskan pada 2010	

Tandatangan Penilai: _____

Nama Penilai : _____

Jawatan Penilai : _____